



Hindari sikap suka cari kesalahan pemimpin, elak jadi fitnah

Oleh [Kazzman Kamaruzzaman dan Dr Kartini Kamaruzzaman](#) - Januari 9, 2023 @ 12:00pm
bhrencana@bh.com.my



- Gambar hiasan

Sejak akhir-akhir ini, terdapat banyak naratif kebencian dan permusuhan termasuk cubaan mendedahkan 'sisi gelap' ahli politik ditiupkan sesetengah pihak sama ada daripada pihak pemerintah atau pembangkang.

Cubaan mendedahkan aib atau 'menghidu' kesilapan orang lain khasnya orang politik ini aktif dilakukan di media sosial yang bertujuan memburuk-burukkan pemimpin politik. Ia seolah-olah 'mencari arang untuk diconteng' ke wajah seseorang, khususnya jika individu terbabit adalah seseorang pemimpin.

Di dalam al-Qur'an, Allah SWT menyatakan secara jelas larangan melakukan bersikap prasangka atau 'tajassus' menerusi firman-Nya dalam Surah al-Hujurat ayat ke-12, bermaksud "*Wahai orang beriman. Jauhilah kalian sikap berprasangka kerana sikap itu satu dosa. Janganlah kamu melakukan 'tajassus' (mencari kesalahan orang lain).*"

Individu terbabit dengan 'tajassus' berkemungkinan juga terbabit dengan dosa fitnah lantaran syak wasangka dan tiada bukti kukuh untuk mengaitkan seseorang dengan sesuatu kesalahan.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Kurang bukti punca sukar dakwa 'orang ketiga' ganggu perkahwinan
- 'Buka cerita dalam kain' konflik rumah tangga di media sosial bawa bahana

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 3m [Kes Ebit Lew: Mahkamah tak benar ambil keterangan saksi guna kamera](#)
- 4m [Erdogan isytihar darurat di 10 wilayah dilanda gempa bumi](#)
- 13m [Atsu ditemui selamat dalam runtuh bangunan](#)
- 15m [Ringgit jatuh lagi, mata wang Asia turut terjejas](#)
- 16m [Ee Yi-Aaron senjata rahsia di Dubai](#)
- 21m [ASEAN perhebat fokus pada keselamatan siber, perlindungan data](#)
- 22m [Anwar tiba di Ibu Pejabat UMNO selepas 25 tahun](#)
- 31m [AirAsia pajak 15 lagi pesawat tampung permintaan dari China](#)

TRENDING



NASIONAL 37 minit yang lepas
Isteri culik teman wanita suami



NASIONAL sejam yang lepas
'Orang tidak bagus pergi berhimpun sebelah PH' - Sanusi



SELEBRITI 4 jam yang lepas
Shila, Ubai Mz mengaku bercinta



NASIONAL 4 jam yang lepas
Bekas isteri penyanyi baru menang program nyanyian dakwa dia bukan 'gold digger'



NASIONAL 6 jam yang lepas
Kes Ebit Lew: Polis rampas telefon bimbit Firdaus Wong

OHBULAN



SEIMBANGKAN PERSIAPAN AJL DENGAN FAMILY DUO & PROMOSI DRAMA
 2 jam yang lepas
#AJL37: Naim Daniel Fokus Jaga Kesihatan, Mahu Beri Yang Terbaik Kepada Penonton



NANG 4 jam yang lepas
#AJL37: Iman Troye Rasa Diri Tidak Layak Bersaing Dengan Finalis Lain

- **Rasuah politik merosakkan negara, 'sulitkan' rakyat**
- **Pelantikan Mohd Na'im diharap perkukuh pentadbiran Islam**

Tajassus pada zaman moden lebih kompleks apatah lagi jika ia dilakukan secara serkap jarang dan disebarakan menerusi media sosial. Selain pengguna individu, kemunculan tentera siber juga perlu diberi perhatian.

Kumpulan ini berupaya membentuk, merubah dan memanipulasi keadaan dengan menggunakan pelbagai modus operandi termasuk menyerang dan menyebarkan naratif boleh merosakkan reputasi serta kredibiliti pesaing khususnya dalam dimensi politik.

Kecenderungan menghasut

Malah, aktiviti ini boleh dikaitkan dengan kecenderungan menghasut kerana boleh membangkitkan permusuhan, kebencian dan penghinaan di antara satu sama lain.

Bentuk hasutan pula boleh terjadi menerusi percakapan, perbuatan atau diterbitkan termasuk di media sosial. Malangnya, pelaku seolah-olah lupa kepada Akta Hasutan 1984 (Akta 15).

Selain itu, Akta Fitnah 1957 turut menyebutkan bagaimana sesuatu kenyataan dan tohmahan boleh merosakkan reputasi seseorang sama ada dalam penulisan atau diucapkan serta dizahirkan kepada orang lain boleh dikategorikan sebagai jenayah fitnah. Jika kita tidak berhati-hati, tindakan merendahkan diri orang lain termasuk dalam media sosial juga boleh dikategorikan sebagai jenayah fitnah.

Meskipun proses semak dan imbang diperlukan dalam memastikan integriti dan akauntabiliti kerajaan terjamin serta memastikan pemimpin bebas salah laku dalam pentadbiran negara, setiap individu terutama orang Islam harus menahan diri daripada terjebak dengan jenayah 'tajassus'.

Dalam dunia tanpa sempadan hari ini dan maklumat boleh diperolehi di hujung jari, orang ramai perlu lebih berhati-hati berkongsi maklumat atau pendapat supaya tidak sewenang-wenangnya mengeluarkan kenyataan yang boleh membawa padah kepada diri sendiri.

Dari sudut undang-undang Islam, seseorang itu hanya dihukum apabila jelas kesalahan pada zahirnya. Justeru, sebagai masyarakat yang semakin menerima konsep integriti, kita tidak dibenarkan mencari kesalahan orang lain jika hanya bersandarkan kepada maklumat lemah atau tidak jelas.

Jika kesalahan dan keaiban jelas kepada kita maka bolehlah tindakan diambil mengikut kaedah sewajarnya yang selari dengan undang-undang dan prosedur ditetapkan.

Penulis adalah Kazzman adalah Ketua Jabatan Ilmu Wahyu, Pusat Asasi, Universiti Islam Antarabangsa (UIA) manakala Kartini sebagai Ketua Program, Program Komunikasi Media Baharu, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



UMUM DI INSTAGRAM 6 jam yang lepas

Pelakon Lee Seung Gi & Lee Da In Bakal Kahwin 7 April Ini



SPONSORED:HADALABO:070223

6 jam yang lepas

Ramai Terlepas Pandang, Sebenarnya Ini Sebab Utama Kulit Muka Asyik Berminyak



ZARINA ANJOLIE 6 jam yang lepas

Akui Masih 'Struggle' Untuk Berubah, Zarina Anjoulie Harap Ada Yang Boleh...

SIRAPLIMAU



ANAK TANTRUM 3 jam yang lepas

Cara Kawal Anak Tantrum, Bagi 'Pre Warning' Dahulu Bantu Si Kecil Lebih Bersedia



MENU RAHMAH MUDAH 4 jam yang lepas

Ini 10 Senarai Kedai Ada Menu Rahmah Seluruh Negara, Semua RM5 Je!



DAPUR 8 jam yang lepas

Cara Buat Patty Burger Homemade, Bila Gigit Memang 'Juicy'!



ASUH 9 jam yang lepas

20 Mainan & Alatan Best Di Shopee Boleh Beli Untuk Bantu Kuatkan Otot Tangan...



DAPUR 9 jam yang lepas

Nak Buat Japchae Macam Di Korea Guna Glass Noodle Bukan Suhun, Resepi Ini Dapat...



NASIONAL Jan 9, 2023 @ 8:31am

Islam agama perpaduan, umat perlu tunjuk teladan terbaik



AGAMA Jan 15, 2023 @ 11:13am

Dedah kisah rumah tangga di media sosial, undang fitnah



LAIN-LAIN (RENCANA)

Okt 31, 2022 @ 12:25pm

Amal politik matang, henti kempen burukkan pihak lawan amal politik matang



KOMENTAR Dis 2, 2022 @ 12:45pm

Jangan kompromi dalang sebar naratif kebencian



Berita terkini setiap pagi
Dapatkan Berita Pilihan
Berita Harian dalam e-mel anda

Dengan melanggan, anda bersetuju dengan [Terma Penggunaan dan Polisi Privasi](#)

Daftar Sekarang



IKUTI KAMI DI:



- [BERITA](#)
- [BHPLUS](#)
- [Nasional](#)
- [Kes](#)
- [Politik](#)
- [Pendidikan](#)
- [Wilayah](#)

- [SUKAN](#)
- [DUNIA](#)
- [HIBURAN](#)
- [BISNES](#)
- [RENCANA](#)
- [WANITA](#)
- [HUJUNG MINGGU](#)

- [MULTIMEDIA](#)
- [Foto](#)
- [BHTV](#)
- [Infografik](#)

- [LANGGAN](#)
- [Akhbar Digital](#)
- [Akhbar BH](#)

- [PERKHIDMATAN](#)
- [Iklan Web](#)
- [1Klassifieds](#)
- [NSTP KLiK](#)

- [RADIO](#)
- [Dapatkan Audio+](#)
- [Hot FM](#)
- [Buletin FM](#)
- [Fly FM](#)

